

8 Ogos 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: MBM siasat aduan kontraktor gagal laksana projek

MIRI: Sesetengah syarikat kontraktor yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Miri (MBM) didapati gagal melaksanakan projek yang diamanahkan kepada mereka mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Datuk Bandar Miri, Lawrence Lai, berkata pihaknya juga menerima pelbagai aduan daripada orang ramai mengenai sikap tidak puas hati terhadap tahap kerja yang dilaksanakan kontraktor MBM. Justeru katanya, MBM akan menyiasat aduan berkenaan dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan termasuk menyenaraihitamkan kontraktor terbabit, jika dakwaan itu benar.

"Kita tidak akan teragak-agak membatalkan kontrak kontraktor yang gagal menjalankan tugas mengikut piawaian yang ditetapkan. Kita menerima banyak aduan terhadap kontraktor yang gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. "Kita akan siasat dan ambil tindakan tegas. Kita juga tidak akan teragak-agak untuk menggantikan mereka dengan kontraktor baru," katanya ketika meninjau projek MBM di Senadin, dekat sini, semalam.

Dalam lawatan itu, Lawrence kesal dengan sikap kontraktor MBM yang gagal melaksanakan kerja pembersihan parit di kawasan Senadin seperti yang sudah ditetapkan. Katanya, beliau akan memberi amaran bertulis kepada kontraktor terbabit supaya mereka bertindak segera memperbetulkan keadaan. "Jika gagal kita akan membatalkan kontrak mereka dan melantik kontraktor baru," katanya sambil menambah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu memantau saliran di kawasan perumahan supaya tidak tersumbat. Beliau berkata, banyak sistem saliran berhampiran kawasan perumahan Senadin tersumbat akibat sampah-sarap. Pada sama yang sama, beliau berkata, MBM akan melantik kontraktor untuk melakukan kerja pembersihan parit di Pujut 7 yang dilaporkan

8 Ogos 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: Sekolah guna air hujan dipantau

Oleh Micheal Sering bhnews@bharian.com.my

KUCHING: Kerajaan negeri akan memantau rapi semua sekolah di kawasan pedalaman negeri ini yang bergantung kepada air hujan sebagai sumber bekalan air bersih, berikutan musim panas kering yang berlarutan sejak lebih sebulan yang lalu. Menteri Muda Di Pejabat Ketua Menteri (Sumber Manusia dan Latihan), Datin Fatimah Abdullah, berkata ini bertujuan memastikan sekolah terbabit tidak terputus terus bekalan air. Katanya,

kebanyakannya sekolah yang bergantung kepada air hujan terletak di kawasan hulu sungai dan pedalaman negeri ini. Saya tak dapat berikan jumlah sebenar sekolah yang masih bergantung kepada sumber air hujan ini. Namun saya memberi jaminan bahawa kerajaan akan memantau rapi sekolah terbabit," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan sesi randau bertajuk 'Meningkatkan Kaliber Graduan Hari Ini' yang dianjurkan Angkatan Zaman Mansang (Azam) dengan Kerjasama Konrad-Adenauer-Stiftung, di Pusat Penerangan Islam di sini, semalam. Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dalat mengakui masih banyak sekolah di pedalaman Sarawak bergantung penuh kepada sistem tадahan air hujan.

Kebiasaannya kata beliau, sekolah terbabit akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air bersih apabila musim panas kering berpanjangan termasuk sekolah di kawasan yang diwakilinya dalam Bahagian Mukah. Katanya, kerajaan negeri akan meminta agensi berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya segera menghantar bekalan air bersih termasuk dalam bentuk air mineral kepada sekolah terbabit. "Kita juga menggunakan bot penduduk tempatan untuk menghantar bekalan air ke kawasan sekolah di hulu sungai. Itupun kalau sungai masih boleh dilalui oleh bot, kalau tidak kita terpaksa menggunakan jalan balak," katanya.

Beliau berkata, jika tiada akses untuk menghantar bekalan air ke sekolah terbabit akibat air sungai terlalu cetek dengan tiada alternatif lain, maka sekolah berkenaan akan dipertimbangkan untuk ditutup sementara. Fatimah meminta semua guru besar atau pengetua sekolah supaya segera melaporkan kepada kerajaan melalui agensi berkaitan, sekiranya berhadapan masalah kekurangan bekalan air. "Air adalah keperluan asas dengan kekurangan bekalan air boleh dikategorikan sebagai kecemasan," katanya.

8 Ogos 2009 (Sabtu)

Timur: Naikkan kadar elaun JKKK laksana tugas cemerlang

Oleh Baharom Bakar bhkt@bharian.com.my

KUALA BERANG: Kerajaan negeri wajar menaikkan kadar elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan memberi pingat kebesaran sebagai pengiktirafan kepada ahli jawatankuasa yang melaksanakan tugas dengan cemerlang. Selain itu, Pegawai Daerah juga diminta membuat kajian dan menyediakan kertas cadangan bagi pembinaan sebuah bangunan JKKK di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini. Yang Dipertua DUN, Datuk Tengku Putera Awang, berkata sejak JKKK diwujudkan lebih 10 tahun lalu, kadar elaun dibayar kerajaan negeri untuk pengurus ialah RM450, timbalan (RM300), setiausaha (RM350), bendahari (RM50), manakala RM20 dibayar sebagai elaun mesyuarat.

Katanya, kadar bayaran elaun itu tidak setimpal dengan peranan dan tanggungjawab JKKK yang memainkan peranan utama menyampaikan maklumat mengenai dasar kerajaan dan menjaga kebijakan penduduk setempat. "Kerajaan negeri mengakui bebanan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada JKKK lebih berat jika dibandingkan dengan peranan

pegawai dan kakitangan kerajaan. "Walaupun pelbagai kemudahan diberikan kepada JKKK seperti pengecualian bayaran rawatan dan peluang menunaikan haji, tetapi elauan diberikan tidak memadai dengan bebanan tugas mereka," katanya selepas mewakili Menteri Besar, Datuk Ahmad Said menyampaikan watikah pelantikan JKKK Parlimen Hulu Terengganu di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, di sini, kelmarin.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Rozi Mamat serta Ketua Penolong Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Ariffin Abdullah. Tengku Putera yang juga Ketua Umno bahagian Hulu Terengganu, berkata sebagai pengiktirafan kepada JKKK cemerlang, kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan anugerah pingat kebesaran sama ada diberikan kerajaan Pusat atau negeri. Dalam perkembangan lain, Tengku Putera yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, berkata JKKK diminta terus membantu untuk menggerakkan program kerajaan di peringkat kampung. Katanya, ahli JKKK terutama pengurusnya perlu melaksanakan amanah dengan jujur dan ikhlas bagi memastikan agenda pembangunan kerajaan negeri dapat disampaikan kepada rakyat akar umbi dengan berkesan. "Kita tidak mahu pengurus menyalahgunakan kedudukan dan tidak melaksanakan tugas seperti keputusan mesyuarat."

9 Ogos 2009 (Ahad)

Rencana - KPI tingkat mutu sistem pengangkutan awam

Oleh Abd Rahim Md Nor

Kementerian pantau NKRA perlu tubuh bahagian kumpul, urus data manfaat penumpang

SEJAK hari pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menjadi peneraju nombor satu negara, kita terus menerus dikejutkan dengan langkah meningkatkan mutu perkhidmatan awam supaya lebih cemerlang. Janjinya pada hari pertama untuk menjelaskan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan kepentingan rakyat, diikuti oleh pengenalan konsep KPI atau Petunjuk Prestasi Utama sektor awam pada 28 April lalu yang akan menjadi piawai pencapaian setiap kementerian. Konsep Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkannya pada hari memperingati 100 hari sebagai Perdana Menteri, sudah dihursti dan diperincikan di depan lebih 3,000 penjawat awam di PICC, Putrajaya, tidak lama dulu.

Satu daripada enam bidang NKRA yang mana konsep KPI ini akan mula digunakan ialah sektor pengangkutan awam. Mutu pengangkutan awam ditentukan berdasarkan penilaian penumpang terhadap banyak aspek perkhidmatannya. Kalau penumpang terpaksa menunggu lama, bas atau kereta api sesak, keadaan dalam kenderaan panas, jadual perjalanan bas tidak dipatuhi, pemandu tidak mesra pengguna dan kemalangan kerap berlaku, ini menunjukkan kualiti pengangkutan awam sedang mengalami kemerosotan.

Kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam NKRA ini mestilah memantau untuk memastikan semua operator bas, LRT, monorel dan komuter menunjukkan KPI yang sentiasa baik dan meningkat mengikut masa. Kualiti perkhidmatan bas boleh diukur menggunakan konsep Indeks Kualiti Perkhidmatan Bas atau Bus Service Quality Index (BSQI) yang dibina berdasarkan aspek seperti purata masa menunggu, purata bilangan penumpang bagi setiap bas, suhu dalam bas dan kelajuan.

Selain aspek yang umum ini, parameter atau pengukur yang lebih khusus termasuk:

- ❑ Purata Naik Bas Bagi Setiap Perjalanan atau Average Boarding Per Trip yang menunjukkan keberkesanan jaringan laluan bas bagi memenuhi kehendak perjalanan penumpang
- ❑ Peratusan Liputan Bas iaitu kawasan dalam bandar yang menyediakan hentian bas bagi jarak 500 meter
- ❑ Bilangan Bas Setiap 1000 Penduduk
- ❑ Peratusan Bas Berhawa Dingin
- ❑ Purata Usia Bas
- ❑ Peratusan Bas Waktu Puncak
- ❑ Kilometer Bagi Setiap Kemalangan membabitkan bas. Sebagai langkah awal meningkatkan KPI dalam NKRA pengangkutan awam di Lembah Klang, kerajaan berusaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam daripada 16 peratus sekarang kepada 25 peratus pada 2012 dan menambah 35 set kereta api empat gerabak untuk LRT laluan baru Kelana Jaya bagi tempoh sama. Apa yang pasti, tambang yang membebankan rakyat tentulah bukan KPI yang baik untuk kementerian yang dipertanggungjawabkan. Satu keseimbangan yang munasabah perlu dicapai antara keuntungan yang ingin dikaut oleh syarikat bas dengan kadar tambang yang terpaksa dibayar orang ramai.

Dalam menentukan kadar tambang, ahli politik dan pembuat dasar hanya dapat membuatnya dengan betul sekiranya mereka mempunyai maklumat mengenai kos yang terbabit dalam sektor ini dan bagaimana kos ini berubah mengikut masa. Dalam sektor pengangkutan awam bas, kaedah ini diperoleh melalui konsep Indeks Kos Industri Bas atau Bus Industry Cost Index (BICI). Indeks ini mengambil kira semua aspek kos termasuk harga belian bahan dan enjin bas, harga tayar, petrol, servis, kos baik pulih, upah pekerja dan harga alat ganti.

Penentuan sama ada sesebuah syarikat bas itu mengalami untung atau sebaliknya boleh dilakukan dengan membandingkan kos dengan hasil kutipan tambang. Maklumat ini amat diperlukan dalam proses menentukan kewajaran kenaikan tambang seperti yang berlaku baru-baru ini. Indeks Kemampuan Membayar Tambang atau Bus Fare Affordability Index (BFAI) juga perlu diperhatikan oleh kementerian kerana tambang tidak boleh terus naik tanpa mengambil kira kemampuan orang ramai. Tidak ada gunanya menyediakan satu

sistem pengangkutan bas yang cekap dan bermutu tetapi mengenakan tambang yang mahal dan di luar kemampuan golongan sasaran.

Kalau ini terjadi, bas tidak akan mendapat sambutan walau pun kualiti perkhidmatannya amat baik. Saya rasa aspek ini amat perlu mendapat perhatian kerajaan kerana majoriti penumpang bas di Lembah Klang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, pelajar, suri rumah, pencari kerja, pekerja asing dan wanita yang baru memperoleh kerja. Mereka ini 'penumpang terperangkap' yang terpaksa menggunakan pengangkutan awam semata-semata kerana tiada pilihan sebab mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri. Oleh itu, kenaikan tambang yang diumumkan baru-baru ini bakal menjadi ujian kemampuan orang ramai yang menjadi sasaran kerajaan bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

Kalau dengan menaikkan tambang ke aras yang amat tinggi menyebabkan rakyat dibebani dan golongan penduduk yang menjadi sasaran tidak mampu menggunakaninya, maka sektor pengangkutan awam menjadi tidak berjiwa rakyat dan dengan itu KPI juga akan turun. Dalam sektor pengangkutan awam yang tidak begitu menguntungkan ini, satu daripada langkah kerajaan untuk meningkatkan KPI ialah dengan menghulurkan bantuan dalam bentuk dana. Bagaimanapun, di samping membantu, penunjuk produktiviti syarikat bas juga perlu dipantau.

RapidKL mampu memberikan perkhidmatan yang jauh lebih baik dengan tambang lebih murah berbanding operator lain di Lembah Klang dan Pulau Pinang kerana syarikat ini disokong kuat oleh kerajaan. Logiknya, bantuan kerajaan itu sepertutnya digunakan oleh syarikat untuk meningkatkan produktiviti pemandunya. Kalau keadaan bas selesa, gaji memuaskan, pakaian seragam diberi percuma, cuti mencukupi dan rawatan kesihatan terjamin, sudah sewajarnya pemandunya bekerja dengan lebih rajin lagi. Sehingga satu kajian ilmiah dilakukan, kita tidak tahu sama ada produktiviti pemandu syarikat ini semakin meningkat atau sebaliknya.

Sokongan kerajaan kepada syarikat bas tidak akan bermakna sekiranya tidak diikuti dengan peningkatan atau sekurang-kurangnya pengekalan dalam produktiviti pemandu dan pekerja lain. Kita hendak melihat setiap sen yang kerajaan belanjakan untuk membantu syarikat bas dihargai oleh mereka dengan meningkatkan produktiviti pekerja. Ini amat penting diperhatikan kerana ada kecenderungan di kalangan pekerja yang menjadi semakin malas semakin banyak bantuan yang mereka terima.

Dalam sektor pengangkutan bas, produktiviti pemandu dan staf lain boleh dikira melalui kaedah mudah seperti jumlah jam bekerja dalam sebulan, kekerapan mengambil cuti sakit, bilangan hari ponteng, dan jumlah kilometer perjalanan setiap pemandu bagi sehari atau menggunakan kaedah yang lebih terperinci seperti Indeks Produktiviti Pelbagai Faktor atau Multi-Factor Productivity Index (MFPI) yang mengukur perubahan output per unit bagi setiap satu kombinasi input. Sebahagian pengukur KPI yang dikemukakan di sini menjadi tanggung jawab kerajaan untuk merekod dan memantaunya. Ini bukan kerja yang mudah. Saya mencadangkan diwujudkan satu bahagian dalam kementerian yang bertanggungjawab dalam NKRA pengangkutan awam bagi mengumpul dan menguruskan data berkaitan KPI ini.

Penulis ialah pakar pengangkutan awam dan pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

10 Ogos 2009 (Isnin)

Ekonomi - Peruntukan Bajet 2010 dijangka lingkungan RM206b

KERAJAAN semalam membayangkan peruntukan bagi Bajet 2010 masih dalam lingkungan RM206 bilion seperti tahun ini berikutan sumber pendapatan kerajaan semakin menyusut susulan krisis ekonomi global. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata kerajaan juga akan berusaha mengurangkan defisit bajet atau mengekalkannya pada tahap 7.6 peratus seperti 2009.

Pada masa sama, katanya, kerajaan sedang berusaha mencari sumber pendapatan baru bagi menampung penyusutan pendapatannya. "Kita memang menjangka pendapatan kerajaan akan menyusut kerana kegawatan ekonomi. Namun, kita akan mencari sumber pendapatan alternatif untuk kerajaan. "Minggu lalu kita bincang...Ini masih dikaji," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Umno Bagan Serai di Bagan Serai, Perak, semalam.

Defisit bajet Kerajaan Pusat pada 2009 adalah 4.8 peratus sebelum meningkat kepada 7.6 peratus berikutan dua pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion dan RM60 bilion. Ketika ditanya sama ada rakyat akan memperoleh pendapatan tambahan menerusi insentif pengurangan cukai pendapatan, Ahmad Husni berkata, Kementerian Kewangan belum membincangkan perkara itu. Katanya, sesi kumpulan fokus Bajet 2010 masih mengumpulkan pandangan daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan rakyat mengenai keperluan masing-masing.

Beliau berkata, sesi itu akan tamat hujung bulan ini sebelum Kementerian Kewangan merangka Bajet 2010 untuk dibentangkan pada 23 Oktober ini. "Kita berusaha meningkatkan kesejahteraan rakyat bagi menangani kenaikan harga barang. Bagi sektor swasta, mereka mahu mengurangkan kos perniagaan dan meningkatkan ruang pemasaran," katanya.

10 Ogos 2009 (Isnin)

Ekonomi - Harga sawit kembali pulih cecah RM2,000 satu tan

Oleh Suffian A Bakar suffian@bharian.com.my

HARGA minyak sawit mentah (MSM) yang mencecah paras dasar pada suku keempat 2008, sudah kembali pulih dan stabil. Harga komoditi itu kini melepassi paras RM2,000 satu tan. Dengan unjuran harga purata MSM sekitar RM2,200 satu tan tahun ini dan RM2,300 satu tan pada 2010, ia memberikan kelegaan kepada syarikat perladangan sawit seperti TH

Plantations Bhd. Kenaikan harga mencerminkan kejayaan beberapa langkah dilaksanakan kerajaan bagi mengawal kejatuhan harga komoditi itu, selain permintaan dunia yang kembali stabil terhadap komoditi itu.

Beberapa inisiatif kerajaan bagi menyokong industri itu termasuk peruntukan RM200 juta kepada pengusaha ladang untuk menggalakkan penanaman semula sawit bagi mengurangkan sebahagian lambakan stok di pasaran. Permintaan dari luar negara untuk MSM masih kukuh kerana pengguna sentiasa memerlukan makanan. Tidak ada kesan ketara bagi eksport komoditi itu setakat ini. Dua negara pengimpor terbesar, India dan China dijangka terus membeli minyak sawit kerana harganya lebih rendah daripada minyak soya.

Meninjau prestasi kewangan, keuntungan bersih TH Plantations susut 56.2 peratus kepada RM10 juta pada suku kewangan kedua berakhir 30 Jun 2009 daripada RM22.9 juta suku sama tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pendapatan pada suku berkenaan meningkat 25.2 peratus kepada RM84.9 juta daripada RM67.8 juta susulan sumbangan daripada Sabako Sdn Bhd dan Ladang Bukit Belian Sdn Bhd, yang diambil alih pada Disember 2008. Ia mencatat keuntungan bersih terkumpul berjumlah RM18.4 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2009, susut ketara berbanding RM51.6 juta yang diraihnya pada tempoh sama 2008, sungguhpun pendapatan meningkat sedikit kepada RM144.8 juta daripada RM133.4 juta.

Standard & Poor's berpendapat keputusan suku kewangan kedua yang lebih lemah daripada jangkaan disebabkan perlakuan perakaunan. Dari segi operasi, TH Plantations, katanya, adalah antara yang terbaik di kalangan syarikat perladangan bersaiz kecil. Sementara itu, penganalisis di Mercury Securities menjangka harga MSM akan bergerak dalam jajaran RM2,000 hingga RM2,500 satu tan untuk suku-suku mendatang. Antara faktor mempengaruhi harga MSM termasuk pertumbuhan permintaan, tahap inventori, cuaca, hasil tuaian dan pergerakan harga komoditi lain seperti minyak mentah dan minyak soya.

Penganalisis di firma itu menjangka harga MSM akan lebih kukuh pada separuh pertama 2010 berbanding separuh kedua 2009. Dengan ekonomi global dijangka lebih baik pada 2010, syarikat perladangan dapat membayangkan kelegaan tahun depan. Bagaimanapun, risikonya termasuk naik turun harga, perbezaan tempoh kontrak, tukaran wang asing dan kawalan terhadap kos operasi. Dari aspek teknikal, Mercury Securities berpendapat harga saham TH Plantations secara umumnya mengukuh dan diniagakan dalam wajaran lebih ketat berbanding sebelum ini.

Garisan MACD saham berkenaan baru-baru ini pulih ke paras neutral. RSI juga menunjukkan ia juga didagangkan di atas paras neutral, termasuk penanda Stochastic yang juga berada pada satu tahap di atas paras neutral. Paras rintangan berikutnya ialah pada RM1.70 dan RM1.77, manakala sokongan semerta pada RM1.54 dan RM1.40. Firma itu mengekalkan cadangan 'pegang' ke atas saham TH Plantations, bergantung perkembangan harga MSM dan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) ladang pada masa depan.

TH Plantations bercadang mengambil alih keseluruhan kepentingan dalam Ladang Sawit Bintulu Sdn Bhd. Ia juga bercadang mengambil alih keseluruhan kepentingan dalam Lebikaya Sdn Bhd. Pengambilalihan itu sejajar program penyelarasan aktiviti syarikat berkenaan bagi mencapai keberkesanannya operasi dan kewangan lebih tinggi. Sementara itu, S&P menaik taraf cadangan TH Plantations kepada 'pegang' daripada 'jual' sebelum ini dengan harga sasaran 12-bulan RM1.65 berbanding RM1.50 sebelum ini.

Pada pendapat S&P, dengan marjin operasi melebihi paras purata sebanyak 25.4 peratus, pulangan pelaburan (ROE) tinggi 14.3 peratus dan pendapatan dividen memuaskan lima peratus diunjurkan bagi 2009. S&P menaikkan PER ke atas unjuran pendapatan bagi 2010 kepada 11x daripada 10 kali ketika ini. Penilaian lebih tinggi itu sebahagiannya mencerminkan keyakinan permintaan terhadap minyak sawit masih kukuh, sekali gus menyediakan sokongan baik ke atas harga MSM, dan secara tidak langsung memberikan kesan positif kepada harga saham TH Plantations.

11 Ogos 2009 (Selasa)

Sentral: Mara disusun semula tingkat keupayaan Bumiputera

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar bhizar@bharian.com.my

Kajian tumpu pendidikan, keusahawanan elak lambakan

MELAKA: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menyusun semula struktur Majlis Amanah Rakyat (Mara) dalam tempoh terdekat bagi meningkatkan keupayaan masyarakat Bumiputera serta agensi di bawah kementerian itu terutama dalam bidang pendidikan dan keusahawanan. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata kementeriannya sudah mengadakan pertemuan dengan beberapa kumpulan syarikat di negara ini yang menjadi peneraju bagi kedua-dua sektor itu dalam usaha melakukan pelan penyusunan semula Mara. "Setakat ini proses penyusunan agensi itu masih dalam peringkat perbincangan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kota Melaka di sini, kelmarin.

Hadir sama, Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri merangkap Ketua Umno Bahagian Kota Melaka, Datuk Latiff Tamby Chik. Mohd Shafie berkata, dalam sektor pendidikan, kerajaan mahu memastikan bukan setakat jumlah pelajar yang dihantar ke luar negara tetapi juga bidang yang diambil kerana kebanyakan pelajar sebelum ini banyak mengikuti jurusan undang-undang dan kejuruteraan. "Selepas tamat pengajian, kebanyakan mereka dikesan sukar mendapat pekerjaan di negara ini disebabkan lambakan graduan bagi kedua-dua bidang. "Selain itu, kerajaan juga akan mengenal pasti beberapa bidang yang masih belum diterokai selain menghantar pelajar ke universiti bertaraf antarabangsa dan bukannya universiti biasa seperti dilakukan sebelum ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Shafie yang juga Naib Presiden Umno, meminta anggota parti itu membudayakan semangat berkhidmat kepada masyarakat di peringkat akar umbi tanpa mengira kaum. "Berkhidmat kepada masyarakat tidak semestinya memerlukan peruntukan kewangan tetapi boleh menggunakan kemahiran yang ada. Ahli Pemuda dan Puteri Umno yang mempunyai pendidikan tinggi sebagai contoh, boleh mengadakan kelas tuisyen untuk anak orang miskin tanpa mengenakan bayaran. "Jika tiada tempat, mereka boleh memohon menggunakan sekolah atau balai raya dan ia secara tidak langsung akan mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap Barisan Nasional," katanya.

11 Ogos 2009 (Selasa)

Tuntutan RM1b tak munasabah

Oleh Saufi Hamzah sofeeham@bharian.com.my

Lembaga Pelabuhan Klang akan buat laporan polis terhadap pemaju PKFZ

PUTRAJAYA: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) akan membuat laporan polis hari ini berhubung tuntutan tidak munasabah, percanggahan atau penipuan berjumlah antara RM500 juta hingga RM1 bilion oleh syarikat pemaju utama Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB). Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng, berkata beliau akan membuat laporan pada jam 11 pagi di Balai Polis Klang bagi membolehkan siasatan rapi dijalankan. Kita akan mengambil tindakan lanjut terhadap kemungkinan berlakunya penipuan termasuk tuntutan bayaran yang tidak munasabah, kecuaian atau salah laku.

"Pada masa sama, kita sudah mengarahkan peguam LPK untuk menimbang sama ada tindakan undang-undang patut diambil terhadap pelbagai pihak. "Lembaga ini amat mengambil berat jumlah wang yang terbabit dalam pertikaian ini," katanya pada sidang media di Kementerian Pengangkutan di sini, semalam. Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat. Sidang media itu diadakan bagi mengumumkan bahagian pertama penemuan yang dikumpul Pasukan Petugas Khas yang diwujudkan Kementerian Pengangkutan bagi mengkaji aspek undang-undang dan kewangan berikut laporan dikeluarkan PricewaterhouseCoopers Advisory Services (PwCAS).

Lee berkata, LPK berpuashati dengan laporan dikemukakan Pasukan Petugas Khas itu dan akan mengadakan mesyuarat susulan pada Selasa depan. Beliau berkata, pasukan petugas khas itu mendapati, enam tuntutan tidak munasabah KDSB ialah:

1 Menemui bukti pemaju utama itu membuat tuntutan yang tidak munasabah mengikut Perjanjian Pembangunan terutama bagi kerja infrastruktur elektrikal membabitkan sistem 33kv berjumlah RM55.8 juta yang belum dilaksanakan di atas tapak, kerja membekalkan 33kv dan kemudahan awam bernilai RM83 juta memandangkan Tenaga Nasional Berhad

menolak cadangan KDSB untuk melaksanakan kerja menyiapkan kemudahan dan bekalan 33kv;

- ② Tuntutan awal sekurang-kurangnya RM231 juta mengikut Perjanjian Pembangunan, KDSB belum menyediakan sebarang dokumen untuk menyokong jumlah kos itu;
- ② Tuntutan KDSB untuk kerja variasi sebanyak RM62 juta mengikut Kerja Pembangunan Tambahan (ADW) dan Kerja Pembangunan Tambahan Baru (NADW), menunjukkan tiada asas bagi tuntutan itu dan KDSB sepatutnya memberikan penjelasan;
- ② Tuntutan berlebihan bagi kerja pembinaan hotel, di mana KDSB sudah menuntut RM69.6 juta berbanding penilaian konsortium juru ukur bernilai RM44.7 juta;
- ② Tuntutan yuran profesional mengikut Perjanjian Pembangunan, KDSB hanya layak menuntut yuran sebenar dan perbelanjaan. KDSB belum mengemukakan invois dan baucer bayaran sebanyak RM121.6 juta dalam bentuk yuran; dan
- ② KDSB mungkin tidak layak untuk menuntut RM254.9 juta sebagai tuntutan mengikut Perjanjian Pembangunan kerana pindaan terhadap kerja dalam skop asal yang dinyatakan terkandung dalam Perjanjian Tanah dan Perjanjian Pembangunan.

11 Ogos 2009 (Selasa)

Lantai lapangan terbang merekah

KUCHING: Hampir 100 penumpang pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), cemas apabila permukaan lantai di terminal daftar masuk kompleks itu tiba-tiba mengalami rekahan teruk, pagi kelmarin. Dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu, lantai di terminal masuk LTAK mengalami kerosakan serius dipercayai akibat tekanan daripada strukturnya sehingga menyebabkan sejumlah 240 jubin meletup dan pecah.

Pengurus Malaysia Airport Berhad (MAB) Sarawak, Sunif Naiman, berkata kejadian itu menyebabkan suasana cemas di kalangan penumpang yang sedang dalam proses daftar masuk namun keadaan adalah terkawal. "MAB belum mengetahui punca mengapa permukaan lantai di terminal daftar masuk berkenaan tiba-tiba merekah, namun kita akan merujuk kepada syarikat pemaju yang membina LTAK sebelum ini. "Kerja menggantikan semua jubin yang pecah selesai dilakukan pagi tadi (semalam) dengan semua operasi kaunter kembali beroperasi seperti biasa sejurus kerja penggantian selesai," katanya.

Keadaan cemas akibat rekahan permukaan lantai berkenaan menyebabkan operasi kaunter daftar masuk terjejas kira-kira 15 minit namun tindakan pantas pengawal keselamatan menutup kawasan yang terjejas membolehkan operasi LTAK disambung kembali Sunif berkata, kejadian berkenaan tidak menjelaskan jadual penerbangan di LTAK dengan hanya

beberapa kaunter daftar masuk berdekatan kawasan rekahan terpaksa ditutup bagi membolehkan kerja menukar jubin dilakukan.

12 Ogos 2009 (Rabu)

Pengerusi LPK lapor polis tuntutan tak munasabah

KLANG: Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Lee Hwa Beng membuat laporan polis terhadap pemaju utama Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan penasihat projek itu, BTA Architects dipercayai kerana tuntutan tidak munasabah antara RM500 juta hingga RM1 bilion untuk projek itu. Laporan dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang, pada jam 10.15 pagi, semalam.

Lee yang ditemani peguam menghabiskan kira-kira sejam membuat laporan itu. Walaupun beliau tidak menyatakan tujuan laporan dibuat, ia dipercayai berhubung dakwaan tuntutan tidak munasabah. "Saya sebagai Pengerusi LPK bertanggungjawab membuat laporan terhadap dua syarikat ini atas arahan Lembaga Pengarah yang bermesyuarat semalam.

"Syarikat pertama ialah KDSB dan kedua, syarikat penasihat dilantik bagi memajukan PKFZ, BTA Architects. Saya tidak boleh mengulas lanjut laporan yang dibuat dan menyerahkan kepada polis untuk siasatan," katanya sambil menjelaskan semua maklumat sudah diberitahu pada sidang akhbar bersama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, kelmarin.

12 Ogos 2009 (Rabu)

Surat - PBT lewat keluar sijil layak menduduki

PADA Disember 2007, saya membeli sebuah rumah teres di Taman Bukit Tiram, Johor. Selepas menunggu lebih setahun, projek perumahan itu siap sekitar Mac 2009. Apa yang mengecewakan saya dan juga mungkin dari pembeli lain ialah kelewatan pihak berkuasa tempatan mengeluarkan sijil layak menduduki apabila mereka siap membuat penyeliaan dan pemeriksaan di setiap unit rumah di taman perumahan itu.

Walhal ada pemaju projek perumahan di sekitar Ulu Tiram mendapat sijil lebih awal. Sebelum perkara ini berlaku, pemaju menjelaskan PBT sudah membuat penyeliaan dan pemeriksaan unit rumah sekitar Jun. Saya ingin mendapatkan penjelasan PBT mengenai kelewatan pengeluaran sijil layak menduduki.

PENUNGGU TAK SUDAH, Ulu Tiram, Johor.

13 Ogos 2009 (Khamis)

Peraturan baru bilik sejuk beku perlu lulus 3 agensi

Oleh S Anand Kumar anand@bharian.com.my

TANJONG KARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menguatkuasakan peraturan baru mewajibkan semua pemilik jeti dan bot nelayan persendirian mendapatkan kelulusan daripada tiga agensi sebelum memulakan operasi mereka. Menterinya, Datuk Noh Omar, berkata peraturan baru itu penting bagi memastikan semua jeti dan bot mematuhi piawaian pemasangan gas ammonia di bilik sejuk beku yang menempatkan bekalan ikan. Beliau berkata, agensi terbabit adalah Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Dosh).

"Sekarang ini, mereka membina jeti persendirian tidak menyalahi undang-undang dan tidak perlu memohon sebarang kebenaran daripada mana-mana pihak untuk berbuat demikian. "Bagaimanapun, sekiranya berlaku kejadian seperti kebocoran gas ammonia, sukar untuk kita bertindak. Oleh itu kita akan memperkenalkan peraturan baru supaya kejadian seperti ini tidak berulang," katanya selepas melawat jeti Syarikat Lee Huat Trading di Bagan Pasir, di sini semalam yang mengalami kebocoran gas ammonia sehingga mengorbankan enam nyawa, kelmarin.

Mereka yang maut dalam kejadian pada jam 8.30 pagi itu ialah Lim Kim Son, Sia Liang Huat, Lim Kean Chiew, 35 dan Gan Guo Yong, serta dua pekerja asing warga Bangladesh, Sekendar Ali, dan Mumia Miah, 20. Lima lagi mengalami kecederaan termasuk dua warga tempatan iaitu Teh Ah Lak dan Yew Kok Peng yang kini menerima rawatan di Hospital Tanjong Karang. Sementara itu, Noh, berkata tiga mangsa, Kim Son, Lian Huat dan Kian Chiew yang memiliki kad keahlian nelayan layak menerima bantuan RM4,000 seorang di bawah Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan LKIM.

Beliau berkata, dua yang cedera dan sedang menerima rawatan di hospital berkenaan turut layak menerima bantuan RM1,000 seorang. Dalam pada itu, Noh berkata, Dosh sedang menjalankan siasatan di jeti berkenaan bagi mengetahui punca sebenar kejadian. Dalam perkembangan lain, Noh berkata, pihak LKIM dan Dosh juga akan melakukan pemeriksaan ke atas jeti persendirian sedia ada bagi memastikan prosedur pemasangan gas ammonia dipatuhi. "Kita tidak mempunyai rekod jumlah jeti persendirian di seluruh negara, tetapi di Kuala Selangor saja ada 21 jeti persendirian," katanya yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang.

13 Ogos 2009 (Khamis)

Minda Pengarang: Tragedi gas ammonia bocor beri peringatan usah abai keselamatan

TRAGEDI kebocoran gas ammonia yang meragut enam nyawa di kilang memproses ikan di Tanjung Karang, Selangor pagi kelmarin mendedahkan betapa pentingnya aspek penjagaan keselamatan di tempat kerja. Sama ada majikan atau pekerja, kedua-duanya perlu mengambil berat perkara itu demi manfaat bersama. Dalam isu membabitkan keselamatan, tiada pihak boleh dikecualikan. Tanpa mengira saiz sesebuah organisasi, ia tidak harus menjadi ukuran tahap piawaian keselamatan yang diamalkan. Soal kemampuan kewangan bukan alasan untuk sesetengah majikan mengabaikan garis panduan keselamatan bagi kakitangan masing-masing.

Semua pihak perlu mengambil langkah kolektif memastikan insiden kemalangan di tempat kerja dapat dikurangkan ke tahap minimum. Malangnya, walau pun amaran demi amaran dikeluarkan, kejadian berpunca daripada kelalaian manusia, terus berlaku. Jika komitmen dan tanggungjawab dilaksanakan dengan baik, insiden malang seperti yang berlaku di kilang memproses ikan di jeti persendirian di Kampung Bagan Pasir itu, pasti dapat dielakkan. Walaupun siasatan punca kejadian itu masih dijalankan, tidak keterlaluan untuk menyimpulkan wujud banyak kepincangan dalam prosedur keselamatan operasi kilang itu.

Bermula dengan penggunaan sistem penyejukan buatan sendiri di tempat simpanan baja kilang itu hingga kepada prosedur operasi standard (SOP) pengendaliannya, jelas bahawa aspek keselamatan diabaikan. Sebab itulah apabila kebocoran gas berbahaya seperti ammonia itu berlaku, ia memberi kesan besar sedangkan kilang seperti itu sepatutnya mempunyai sistem amaran yang baik dan kakitangan yang bekerja dalam persekitaran berisiko seperti kolah penyejukan baja, dibekalkan peralatan pernafasan lengkap.

Kerajaan sudah mengambil banyak langkah meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja termasuk dengan menubuhkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (Niosh). Untuk memastikan matlamat sebenarnya dicapai, semua pihak harus sanggup menggembangkan tenaga dan sumber. Pelbagai syarat dan garis panduan untuk membantu organisasi menjaga keselamatan persekitaran tempat kerja dirumus. Bagaimanapun, ia tidak akan membawa sebarang makna jika hanya dipandang sepi.

Ketika semakin banyak organisasi menyambut baik usaha itu, masih ada yang culas dan memberi pelbagai alasan untuk tidak mematuhi garis panduan ditetapkan. Kelompok ini, biasanya pengusaha kecil berpendapat, langkah mematuhi piawaian keselamatan hanya membazirkan wang dan mengurangkan keuntungan. Mereka seolah-olah menafikan hakikat bahawa aset terbesar sesebuah organisasi ialah sumber manusia, justeru ia harus dijaga sebaiknya. Memang objektif utama perniagaan adalah keuntungan, tetapi ia harus diraih secara bertanggungjawab dan beretika.

Mengetepikan nasib pekerja bukan caranya apatah lagi dalam kes seperti di Tanjung Karang yang turut memberi risiko kepada persekitaran kerana kebocoran ammonia memaksa penduduk berdekatan mengosongkan kediaman mereka sebagai langkah berjaga-jaga. Dalam usaha mengejar kemajuan, budaya positif seperti jaminan keselamatan di tempat kerja perlu diterapkan.

Tragedi malang yang meragut enam nyawa di Tanjong Karang harus dijadikan iktibar kepada semua pihak supaya tidak sekali-kali mengabaikan keselamatan di tempat kerja.

14 Ogos 2009 (Jumaat)

Pemaju cabar LPK heret ke mahkamah

KUALA LUMPUR: Syarikat pemaju Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) mencabar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) mengheretnya ke mahkamah sekiranya ada bukti mereka melakukan penyelewengan atau tuntutan tidak munasabah membabitkan projek itu. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KDSB, Datuk Faizal Abdullah, juga mahu LPK menyerahkan salinan laporan pasukan petugas khas yang menyiasat skandal PKFZ bagi membolehkan mereka mengenal pasti kesalahan dilakukan dan membela diri.

“LPK menjadi penyiasat, pendakwa, juri dan hakim dalam isu ini tanpa memberi peluang kepada KDSB mempertahankan diri, malah kita tidak langsung dipanggil bagi memberi keterangan atau penjelasan, sebaliknya mereka memutuskan semuanya. “Kalau benar ada penyelewengan atau salah guna kuasa, kenapa tidak saman saja kami, sebaliknya LPK ke hulu ke hilir dengan laporan enam jilid disediakan pasukan petugas khas tetapi setakat ini tiada siapa pun mendedahkan kandungannya. Ini tidak telus,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kelmarin, Pengurus LPK, Datuk Lee Hwa Beng, membuat laporan polis terhadap KDSB berhubung dakwaan tuntutan tidak munasabah antara RM500 juta hingga RM1 bilion. Ia dikesan pasukan petugas khas, merangkumi peguam, akauntan dan perunding kos bangunan yang ditubuhkan Kementerian Pengangkutan, Jun lalu berikutkan laporan audit PKFZ oleh PricewaterhouseCoopers (PwC). Mengenai dakwaan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, bahawa isu penggunaan jet milik KDSB sengaja dibangkitkan bagi memburukkan beliau,

Faizal berkata, ia didedahkan kerana Ong tidak membayar bagi perkhidmatan itu. “Jet ini milik syarikat sekutu kami, Kuala Dimensi Aviation Sdn Bhd dan hanya dipinjamkan kepada pihak tertentu memandangkan kita masih dalam proses memohon kebenaran yang diperlukan bagi beroperasi secara komersial. “Mereka yang meminjam lazimnya membayar kos juruterbang, krew kabin dan minyak tetapi dalam kes Ong, kita tidak terima sesen pun, malah beliau tidak mengemukakan surat jaminan kerajaan untuk membayar bagi perkhidmatan yang diminta.” Faizal mendedahkan, Ong menggunakan jet Gulfstream pada 19 Februari dan 20 April lalu untuk penerbangan pergi balik Subang-Johor Bahru, manakala jet Lear digunakan pada 7 dan 24 Mac.